

14 NOV 1999

Mahathir-Penghormatan

MAHATHIR ANGGAP SINDIRAN MEDIA ASING SEBAGAI PENGHORMATAN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap sindiran media asing bahawa antara kejayaan beliau ialah menyatupadukan pembangkang, sebagai penghormatan besar.

"Saya suka memaklumkan kepada mereka yang tersalah mendapat maklumat ini bahawa saya menganggapnya sebagai satu penghormatan kerana saya sudah berjaya menyatupadukan parti-parti pembangkang daripada pelbagai kaum di bawah satu bumbung," katanya.

Ketika berucap kepada lebih daripada 15,000 anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini beliau berkata kejayaan BN adalah kerana keupayaannya, menunjukkan bahawa ia boleh mengetepikan soal perkauman demi kepentingan negara.

"Oleh itu saya sangat berbangga kerana saya sudah berjaya memaksa parti-parti pembangkang supaya membelakangkan perkauman yang tebal dan merapatkan barisan mereka supaya kita boleh lawan satu sama satu," katanya yang mendapat tepukkan gemuruh daripada hadirin.

Majlis itu adalah pertemuan dan ucapan pertama beliau kepada parti-parti komponen BN selepas pembubaran Parlimen pada 11 Nov.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata beliau dan BN sudah berjaya membawa pembangkang yang tebal dengan semangat perkauman, bersama-sama dalam pakatan yang mereka namakan barisan, walaupun katanya, sebenarnya tidak ada barisan.

"Mereka tidur bersama tetapi mempunyai mimpi yang berlainan. BN bukan tidur bersama, kita bergerak dalam satu Barisan bersama dan tumpuan kita ialah untuk memelihara negara kita dan bangsa kita, kemerdekaan negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata untuk memastikan kemenangan tetap milik BN, para anggota parti itu tidak akan "tidur" sehingga selesai pilihan raya ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata meskipun media asing memberi liputan yang meluas mengenai parti-parti pembangkang dan tiada langsung mengenai BN, tetapi mereka masih merungut bahawa parti-parti pembangkang mendapat "layanan tidak adil" daripada media tempatan.

"Semua media asing memberi ruang dan laporan muka depan kepada pembangkang... tidak satu pun untuk kami dan bagaimana boleh anda kata mereka tidak mendapat layanan saksama?" katanya menjawab satu soalan pemberita.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata beliau dan BN sudah berjaya membawa pembangkang yang tebal dengan semangat perkauman, bersama-sama dalam pakatan yang mereka namakan barisan, walaupun katanya, sebenarnya tidak ada barisan.

"Mereka tidur bersama tetapi mempunyai mimpi yang berlainan. BN bukan tidur bersama, kita bergerak dalam satu Barisan bersama dan tumpuan kita ialah untuk memelihara negara kita dan bangsa kita, kemerdekaan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata sesetengah akhbar asing malahan dicetak di negara ini, tetapi mereka tidak langsung menulis yang baik mengenai BN dan kerajaan juga tidak pernah membuat tapisan.

Perdana Menteri juga berkata terpulang kepada media tempatan apa yang mereka hendak terbitkan.

Katanya kerajaan tidak mendapat faedah apa-apa daripada laporan akhbar milik Pas "Harakah" dan "Rocket" milik DAP yang kerap mengutuk kerajaan.

Mengenai kebebasan akhbar di negara ini, Dr Mahathir berkata:
"Kebebasan akhbar ialah kebebasan untuk tidak melaporkan apa yang tidak mahu mereka laporkan dan kita tidak pernah merungut."

Beliau berkata media asing mudah didapati di negara ini seperti CNN dan CNBC, meskipun laporan mereka kerap berat sebelah.

-- BERNAMA

AFY/HT LAT RON